

Budaya politik naungan beri Zahid kelebihan

Kuala Lumpur: Kedudukan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, dilihat sukar dicabar menjelang pemilihan kurang enam bulan lagi, bersandarkan kepada budaya politik parti itu yang menyaksikan tiada presiden tewas dalam pemilihan, kecuali berundur.

Profesor di Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Zaid Ahmad, berkata secara teorinya, budaya ‘politik naungan’ dalam UMNO terlalu melebal dan ia antara kekuatan terbesar yang memberi kelebihan kepada Ahmad Zahid.

“Kekuatan setiap pemimpin UMNO adalah berdasarkan budaya politik berkenaan. Bukan satu dua hari ini (situasi) menunjukkan presiden begitu berkuasa, ia berlaku sejak zaman berzaman.

“Termasuk ketika zaman Tun Dr Mahathir Mohamad (ketika

menjadi Presiden UMNO), kedudukannya juga cukup kukuh dan nampaknya budaya politik ini berlaku secara berterusan dan diwarisi sehingga kepada pemimpin UMNO hari ini,” katanya kepada BH.

Beliau diminta mengulas kemungkinan ada calon lain yang mampu mencabar kedudukan Ahmad Zahid menjelang pemilihan parti yang dijangka berlangsung dalam tempoh beberapa bulan lagi.

Zaid yang juga Setiausaha Agung Ke-hormat Persatuan Sejarah Malaysia, berkata budaya politik sedemikian masih kukuh dalam UMNO dan berupaya mempengaruhi keputusan pemilihan parti.

“Sebab itu kita lihat kedudukan Ahmad Zahid walaupun di-



Zaid Ahmad

gambarkan tak disukai, tetapi dalam parti, cukup kuat pengaruhnya. Malah, beberapa tindakannya kebelakangan ini, termasuk pemilihan pimpinan BN dalam Kabinet, dan apa yang berlaku dalam mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi.

“Saya jangka ada orang calonkan diri untuk mencabar Zahid nanti, namun setakat ini belum ada Presiden UMNO yang kalah dalam pemilihan, melainkan ada presiden sebelum ini bertindak mengundur diri,” katanya.

Berdepan laluan sukar

Sementara itu, Pensyarah Kanan Fakulti Teknologi dan Informatik Razak, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Dr Mazlan Ali, membayangkan peluang dan keupayaan calon yang bakal me-

nentang Ahmad Zahid pada pemilihan nanti berdepan laluan sukar.

“Pertama, kita dapat lihat keputusan mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi UMNO baru-baru ini, beberapa orang yang dilihat mengkritik Ahmad Zahid diam-bil tindakan, ini termasuk Tan Sri Annuar Musa (bekas Ketua Bahagian Ketereh) yang dipecat.

“Saya menjangkakan mungkin akan ada lagi pemimpin yang apabila mereka menunjukkan perbezaan pandangan dengan Ahmad Zahid bakal berdepan tindakan sama,” katanya.

Menyentuh calon yang mungkin boleh mencabar kedudukan Ahmad Zahid, beliau melihat Khairy Jamaluddin sebagai calon berpotensi.

Bagaimanapun, katanya, Khairy mungkin sukar memberikan sambungan, bukan sahaja kerana akar umbi dalam UMNO yang lebih memihak kepada Ahmad Zahid, malah kedudukan bekas Menteri Ke-

sihatan itu sendiri agak goyah.

Katanya, ini berikutan Khairy kalah pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) dan ketika ini tidak ada jawatan kanan dalam UMNO.

Untuk rekod, Ahmad Zahid dipilih sebagai Presiden UMNO pada Jun 2018 bagi tempoh tiga tahun iaitu sehingga Jun 2021.

Bagaimanapun, pemilihan jawatan UMNO di semua peringkat cawangan, bahagian dan Majlis Kerja Tertinggi (MKT) ditangguhkan selama 18 bulan bermula 30 Jun 2021.

Menerusi surat pada Ogos 2021, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (RoS) memutuskan penangguhan pemilihan UMNO untuk penggal 2021/2023 telah dibuat secara teratur.

Sehubungan itu pemilihan jawatan UMNO untuk MKT, bahagian dan cawangan ditangguhkan ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kepada RoS iaitu sebelum 29 Disember 2022.